

18/09/2001

Atlit perlu cemerlang di tempat lawan: PM

PERDANA Menteri semalam mengingatkan semua atlit supaya jangan hanya mencapai keputusan cemerlang bertanding di tempat sendiri, sebaliknya harus gemilang di gelanggang lawan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, atlit negara harus membiasakan diri mencatat keputusan yang baik tanpa diberikan sorakan dan sokongan jitu sebagaimana berlaku di sepanjang Sukan Sea XXI yang berakhir secara rasmi di Stadium Nasional Bukit Jalil, malam tadi.

"Kita kena tunjukkan prestasi cemerlang di tempat lawan juga. Jangan hanya buat keputusan baik di tempat sendiri. Atlit kena biasakan menang tanpa sorakan penonton tempatan," katanya selepas majlis penutup temasya dwitahunan edisi ke-21 malam tadi.

Perdana Menteri walaupun gembira dengan prestasi Malaysia muncul juara keseluruhan Sukan Sea XXI selepas mengutip 111 pingat emas - pencapaian terbaik sejak 1959, beliau sedih memikirkan keputusan sesetengah sukan.

Pencapaian berkenaan adalah yang terbaik dalam tempoh 42 tahun, mengatasi keputusan 67 emas pada Sukan Sea 1989 yang diadakan di bandaraya ini.

Sambil menjadikan olahraga sebagai contoh sukan yang gagal mencapai keputusan meyakinkan, Dr Mahathir mahu persatuan di negara ini, khususnya gimrama, bowling, renang dan silat menumpukan kegiatan sukan sejak kecil lagi.

"Kegiatan atlit beberapa sukan seperti gimrama harus bermula sejak kecil lagi kerana sukan ini menyediakan banyak pingat emas untuk dimenangi. Begitu juga dengan bowling, renang dan silat," katanya.

Perdana Menteri berkata, temasya Sukan Sea yang berakhir semalam berjaya melupakan seketika salah faham di antara rakyat Malaysia kerana 'orang kita sukakan sukan'.

"Kita minat tengok sukan, tengok Sukan Sea. Kita juga ingin atlit Malaysia capai kejayaan," katanya.

(END)